

24 MAY 2003

Rais-Peruntukan

BEBERAPA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG PERLU DISEMAK SEMULA - RAIS

KUALA KLAWANG, 24 Mei (Bernama) -- Beberapa peruntukan khususnya di bawah Undang-undang Hak Cipta, Undang-undang Kerajaan Tempatan dan Kanun Acara Jenayah perlu disemak semula bagi pelaksanaan penguatkuasaan lebih berkesan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata perkara itu telah dimaklumkan kepada Jabatan Peguam Negara dan juga kementerian-kementerian berkenaan supaya mengemukakan cadangan-cadangan baru.

"Perkara ini dibincangkan dalam perjumpaan khas di antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pegawai penguatkuasa di Putrajaya dua hari lepas. Perbincangan itu adalah mengenai isu yang berkaitan dengan undang-undang dan interpretasi undang-undang yang telah dianggap lapuk," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Katanya perjumpaan khas itu antara lain membincangkan mengenai kehadiran pendatang asing tanpa izin, masalah judi haram dan pelacuran yang masih berleluasa.

Walaupun peruntukan undang-undang sedia ada didapati sudah mencukupi tetapi pelaksanaan penguatkuasaannya masih belum mencapai tahap yang diharapkan, kata beliau.

Oleh itu, beliau berkata operasi besar-besaran perlu dijalankan terus menerus bagi membanteras semua kegiatan jenayah berkenaan.

Mengenai akta lapuk pula beliau berkata sebenarnya tidak ada akta lapuk tetapi yang ada cuma beberapa peraturan yang berkonflik dan tidak jelas dan peraturan-peraturan itu sudahpun dikenal pasti.

"Satu di bawah kerajaan tempatan, kedua ialah berkaitan dengan kuasa-kuasa tertentu dalam memeriksa, menyita dan juga mengawasi premis-premis di dalam bandar dan dalam kawasan kerajaan tempatan.

"Cuma perluasan skopnya dan juga penjelasan tema serta istilahnya harus diperbaiki dan ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Peguam Negara dalam tempoh yang singkat," katanya.

-- BERNAMA

RP RHM